

Terkenal dengan jolokan ibu kota yang tersirat dengan kekayaan sejarah dan tamadunya, Turki telah menjadi destinasi pilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Sesi 2016/2017 untuk melaksanakan program pengantarabangsaan mereka.

Menurut Pengarah Program, Muhammad Ammar Rafiq Ruslan, selain mendekati dan memahami budaya masyarakat di sana, para peserta turut menjalinkan hubungan antarabangsa menerusi lawatan akademik ke dua buah universiti iaitu Universiti Marmara dan Universiti Istanbul dalam program jelajah bermula 15 hingga 25 Mac 2018 yang lalu.

Para peserta terdiri daripada 25 siswa dan tiga pegawai juga telah menyantuni para pelajar Syria di sekitar bandar dan berkunjung ke Yayasan Pelarian Syria di Istanbul, sebuah badan amal yang membantu para pelajar.

"Kunjungan kami ke Yayasan Pelarian Syria adalah bagi membawa hasrat mahasiswa UniSZA yang menyumbangkan dana sebanyak hampir RM4,000 kepada Pelarian Syria di Turki menerusi Program 1 Mahasiswa 1 Ringgit," katanya.

Para peserta juga telah mempamerkan sisi kebudayaan negara menerusi persembahan kebudayaan, persembahan seni bela diri dan peragaan pakaian tradisional.

"Program jelajah ini merupakan pengalaman yang tidak mungkin dilupakan kerana dapat berkongsi kekayaan tradisional negara di peringkat antarabangsa," kata salah seorang peserta, Nur Iziatul Athirah M. Daud.

Bagi seorang lagi peserta, Muhammad Ammar, lawatan ini tidak lengkap tanpa

mengunjungi tempat-tempat bersejarah seperti Masjid Biru, Muzium Hagia Sophia, Atartuk Pavilion, Masjid Sulaymaniye dan banyak lagi kawasan terkenal dengan keindahan landskap dan kekayaan sejarahnya.

"Meskipun kebanyakan bangunan sudah berusia lebih 100 tahun, seni binanya tetap teguh membuatkan kita kagum dengan kehebatan arkiteknya," ujarnya berkongsi pengalaman.

Ketua Delegasi, Salman Lambak yang juga Timbalan

Pengarah Pusat Pembangunan Holistik Pelajar UniSZA menyifatkan program ini sebagai berjaya mencapai objektifnya kerana persiapan sebelum dan semasa program adalah digerakkan sendiri oleh siswa termasuk mencari penajaan.

"Pendedahan di peringkat antarabangsa merupakan sesuatu yang sangat berharga termasuklah pengalaman dalam menguruskan program iaitu fasa sebelum, semasa dan selepas program," katanya.



Menyantuni pelarian Syria di Turki.

Mengabadikan kenangan di hadapan salah sebuah bangunan bersejarah di Turki.

'1 Mahasiswa 1 Ringgit' MPP UniSZA ke Turki

Info
Angka

- Sumbangan dana hampir RM4,000
- 25 orang mahasiswa UniSZA
- 3 orang pegawai pengiring
- 1 Malaysia 1 Ringgit

OKTIVITI